

KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

WASIAT PAK IDAU

Ardi Saa'it

Dahulu kala ada seorang tua bernama Pak Idu. Dia tinggal di hulu Sungai Bangkit. Pak Idu menyara hidupnya dengan menangkap ikan menggunakan bubu. Hasil tangkapan dijual kepada penduduk rumah panjang dan selebihnya dijadikan lauk. Ada juga yang disalai supaya tahan lebih lama.

Isteri Pak Idu sudah lama meninggal dunia tetapi dia mempunyai empat orang anak lelaki yang sudah besar. Bagaimanapun kesemua anaknya itu sangat malas. Mereka tidak pernah menolongnya membuat apa-apa kerja. Pak Idu berasa sangat kecewa dengan sikap anak-anaknya.

Kini Pak Idu sudah tua dan tidak terdaya melakukan kerja-kerja membubu lagi. Anak-anaknya pula masih juga tidak mahu membuat apa-apa. Pak Idu benar-benar kebingungan dibuatnya. "Bagaimanalah saya hendak menyuruh mereka ini supaya bersedia dan sanggup berdikari?" fikir Pak Idu seorang diri.

Pada suatu hari, Pak Idu merasakan saat kematiannya sudah hampir tiba. Dia sudah sering sakit-sakit dan sukar untuk bangun. Sudah beberapa hari dia terlantar di tempat tidurnya.

"Dengarlah wahai anak-anakku. Di hulu sungai sana ayah ada simpan banyak bubu. Dalam banyak-banyak bubu itu ada empat buah bubu yang ayah simpan harta yang sangat berharga. Sayangnya ayah sudah lupa tempat sebenar ayah menyimpan bubu-bubu itu. Kamu carilah, nescaya kamu akan menjumpai harta-harta itu. Akan senanglah hidup kamu nanti," kata Pak Idu kepada anak-anaknya.

Keempat-empat anak Pak Idu berasa sangat gembira mendengar ceritanya. Masing-masing menyimpan dan melayan impian dan cita-cita yang indah-indah!

Tidak berapa lama kemudian Pak Idu pun meninggal dunia. Keempat-empat anaknya tadi mulalah pergi ke hulu sungai untuk mencari bubu dan harta yang diceritakan itu. Mereka sudah tidak sabar-sabar lagi untuk mendapatkan bahagian masing-masing.

Penduduk rumah panjang mula berasa hairan dan pelik melihat anak-anak Pak Idu tiba-tiba sahaja berubah perangai. Mereka tidak tahu tentang wasiat Pak Idu dan menyangka anak-anaknya sudah benar-benar berubah perangai dan bersedia mewarisi pekerjaan orang tua itu. “Baguslah kalau begitu,” kata mereka sesama sendiri.

Kegembiraan anak-anak Pak Idu itu bagaimanapun tidak lama. Sesudah habis bubu dipunggah mereka masih belum juga menemui harta seperti yang mereka bayangkan. Yang ada hanyalah ikan yang begitu banyak! Mereka sudah berasa sangat letih dan kecewa dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan lagi.

“Nampaknya ayah sudah menipu kita. Tidak ada pun harta yang seperti yang diceritakan,” kata anak yang sulung.

“Betul kata abang. Entah-entah ayah cuma berbohong, tak?” balas anak yang kedua.

“Apa yang hendak kita buat dengan ikan yang banyak ini?” tanya anak yang ketiga.

“Apa kata kalau kita jualkan sahaja kepada penduduk rumah panjang. Yang selebihnya kita salai?” cadang anak yang bongsu pula.

Cadangan saudara yang bongsu tadi akhirnya dipersetujui oleh semua. Mereka pun balik dan menjual ikan-ikan itu kepada penduduk rumah panjang. Pendapatan yang mereka peroleh sangat lumayan. Mereka pun berasa sangat gembira.

Sejak hari itu adik-beradik tersebut pun terus memasang bubu setiap hari. Bubu-bubu yang rosak pula diperbaiki. Hasil pendapatan mereka semakin hari

semakin bertambah lumayan. Mereka sudah mula lupa fasal harta yang diceritakan oleh ayah mereka dahulu.

“Saya fikir cerita ayah itu satu muslihat. Dia mahu kita bekerja mencari rezeki dari sungai. Lihatlah hasilnya yang kita peroleh sekarang,” kata anak yang sulung. Ketika itu dia dan adik-adiknya sedang menyalai ikan.

“Ayah memang bijak. Kita harus berterima kasih kepadanya,” kata anak yang kedua pula.

“Memang benar kata abang. Ayah mahu kita mengubah sikap supaya rajin bekerja mencari rezeki,” tambah anak yang bongsu.

Semenjak hari itu, kesemua adik-beradik tadi semakin rajin berusaha dan berdikari. Mereka bukan sahaja menangkap dan membubu ikan tetapi juga mencari hasil-hasil hutan seperti rotan untuk dijual.

AKMY/zza (fld AK: Pak Iduu Dgn. Empat Org Anaknya)

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak